

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

Oktober/November 1995

BST 423/3 : Pengurusan Persekitaran

Masa: [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Gariskan carta alir yang menunjukkan tatacara melakukan EIA seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Bezakan EIA Awal dan EIA terperinci.
(20 markah)

2. Jadual Ketiga Akta Kualiti Alam Sekitar (1974) yang berkait dengan had-had efluen bagi piawai A dan B menyenaraikan pelbagai parameter kualiti air yang harus dipatuhi. Bincangkan kebaikan serta keburukan pengawalan kualiti air berasaskan piawaian sebegini.
(20 markah)

3. Aktiviti Tersenarai (Prescribed Activities) dalam Perintah EIA (1987) mengenalpasti 19 aktiviti berlainan yang memerlukan EIA dijalankan sebelum projek dilaksanakan. Apakah kelemahan-kelemahan yang ada pada aktiviti tersebut. Bincangkan.
(20 markah)

4. Dasar persekitaran nasional telah menggariskan beberapa perkara utama dalam dokumen Rancangan Malaysia Lima (1986-1990). Bincangkan perkara-perkara ini dan kaitkan dengan status alam sekitar masa kini.
(20 markah)

5. Rangka kerja European Community (EU) telah menyentuh hal-hal yang berkait dengan pengurusan sumber dan pembangunan berpanjangan. Lukiskan dan bincangkan rangka kerja ini.
(20 markah)

..../3-

[BST 423/3]

6. Kejituan dan ketetapan membuat ramalan impak persekitaran adalah dua isu yang amat sukar diatasi dalam kajian EIA. Huraikan masalah-masalah yang berkaitan serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasinya.

(20 markah)

-oooOooo-